

Perkosa tepi hutan

Wanita lari bercoli dikejar dua lelaki disyaki perogol bersiri

>>Oleh Iskandar Shah Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

GOMBAK: "Saya tersentak apabila melihat seorang wanita yang hanya bercoli berlari ke arah saya selepas menentasi sungai dan meminta tolong kerana mendakwa dia dirogol.

"Ketika itu, dua lelaki turut dilihat sedang mengejanya, namun bergegas melarikan diri menuju ke arah hutan sejurus ternampak saya," kata saksi yang enggan dikenali ketika ditemui di sini, semalam.

Berikutan itu, sepasukan pegawai dan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak termasuk Unit Anjing Pengesanan (K9) dikerah memburu kedua-dua lelaki dipercayai perogol bersiri di sekitar Pusat Rekreasi Alang Sedayu, Jalan Lama Gombak di sini.

Difahamkan, dalam kejadian jam 8 pagi semalam itu, seorang wanita berusia 27 tahun mendakwa dirogol kedua-dua lelaki terbabit berhampiran sebuah loji pembersihan air di kawasan perkemahan itu.

Mangsa yang bekerja di sebuah kafe siber di ibu negara kemudian melarikan diri dalam keadaan bercoli dan meminta pertolongan seorang anggota



SIASAT...anggota forensik memeriksa kenderaan suspek semalam.

polis bantuan di loji berkenaan.

Suspek yang melarikan diri ke hutan meninggalkan sebuah Perodua Kancil kira-kira 600 meter dari lokasi kejadian.

Hasil pemeriksaan ke atas kereta berkenaan mendapati mereka sebelum itu dipercayai turut merogol dan menyamun seorang wanita yang juga ibu kepada tiga anak berusia 27 tahun di sekitar Gombak.

Menurut saksi, selepas memberi tuala untuk menutup tubuh, wanita terbabit memaklumkan

dia dirogol dua lelaki yang baru dikenalnya, dua hari lalu.

"Selain itu, mangsa memberitahu tujuannya pergi ke kawasan ini bersama dua lelaki terbabit untuk mencari batu," katanya yang kemudian menghubungi polis untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah, berkata pihaknya mengenal pasti seorang daripada suspek melalui dokumen pengenalan diri yang ditemui dalam Perodua

Kancil yang ditinggalkan di kawasan berkenaan.

"Berikutan itu, kami sedang mengesan lelaki berusia 25 tahun terbabit dan rakannya bagi membantu siasatan kes terbabit," katanya.

Tinjauan Harian Metro di lokasi kejadian mendapati lebih 20 anggota polis yang dibantu anjing Unit K9 memasuki kawasan hutan berkenaan bagi memburu suspek yang dipercayai masih bersembunyi di kawasan berdekatan.